



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KPKM KEKAL MENERAJUI PERANAN DALAM *INTERNATIONAL TROPICAL FRUITS NETWORK (TFNET)*

DARWIN, AUSTRALIA, 22 SEPTEMBER 2025 – YBhg. Datuk Seri Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mempengerusikan *The 17th International Tropical Fruits Network (TFNet) Board of Trustees Meeting*. Mesyuarat tahunan edisi kali ke-17 ini telah diadakan pada 22 September 2025 bertempat di Northern Territory Head Office, Darwin, Australia.

Pada mesyuarat ini, Malaysia sekali lagi dipilih sebagai Pengerusi bagi Lembaga Pemegang Amanah TFNet untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 2025 hingga 2028. Pemilihan ini membuktikan kepercayaan oleh ahli-ahli anggota TFNet terhadap kemampuan dan keberkesanan peranan yang dimainkan oleh Malaysia semenjak memegang jawatan berkenaan bermula pada tahun 2000.

YBhg. Datuk Seri juga telah menghadiri dan mengetuai delegasi Malaysia dalam *The 9th TFNet General Assembly* yang turut diadakan pada hari dan lokasi yang sama. Program ini telah dipengerusikan oleh pihak Australia selaku negara penganjur. Penganjuran *TFNet General Assembly* kali ini antara lain turut membincangkan berkenaan Pelan Strategik TFNet untuk tempoh 2025 – 2030 dan cadangan penganjuran *International Tropical Fruits Day*.

Semasa perbincangan, YBhg. Datuk Seri telah menekankan supaya negara-negara anggota untuk sentiasa memenuhi komitmen kewangan dalam memastikan kesinambungan operasi TFNet dan menyokong penganjuran program-program yang telah dirancang oleh TFNet. YBhg. Datuk Seri juga telah mencadangkan supaya TFNet memperluas dan memperkukuh peranan dalam aspek fasilitasi perdagangan bagi memudahcara akses pasaran dan perdagangan buah-buahan tropika terutamanya dalam kalangan negara anggota.

YBhg. Datuk Seri mengetuai delegasi Malaysia yang turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Nor Sam Alwi, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), YBhg. Dato' Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) (penyertaan secara dalam talian) serta pegawai-pegawai kanan KPKM termasuk Pejabat Penasihat Pertanian (PPP) di Sydney, Australia.

Sebagai rujukan, TFNet ditubuhkan pada tahun 1998 di bawah inisiatif *Food and Agriculture Organization of the United Nations* (FAO) untuk mempromosikan pembangunan mampan industri buah tropika di seluruh dunia. Selaras penubuhannya, Malaysia telah dipilih sebagai negara hos pengoperasian TFNet bermula pada tahun 2000. Ibu pejabat TFNet terletak di MARDI Serdang, Selangor dan dibiayai oleh Kerajaan Malaysia menerusi KPKM.

Sehingga kini, TFNet disertai oleh 14 negara ahli iaitu Australia, Bangladesh, China, Fiji, India, Indonesia, Malaysia, Nigeria, Filipina, Arab Saudi, Sri Lanka, Sudan, Syria, dan Vietnam. TFNet turut disertai oleh pertubuhan dan institusi penyelidikan pertanian antarabangsa seperti *Centre for Agriculture and Bioscience International* (CABI), *African-Asian Rural Development Organization* (AARDO) dan *Japan International Research Center for Agricultural Sciences* (JIRCAS).

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

